

ETIKA WANITA DI MEDIA SOSIAL:KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF NABAWI

Siti Nabihah Binti Izham¹
Nurul Izzah Iman Binti Badruddin²
Nurul Quraisyah Binti Omar³

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia(E-mail: sitinabihah2000@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: izzahbadruddin@gmail.com)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: n.quraisyahomar@gmail.com)

Abstrak: *Media massa merupakan medium ataupun jaringan komunikasi yang memudahkan interaksi sosial antara masyarakat. Namun begitu, kewujudan peralatan canggih dan media sosial banyak memberi impak dalam kehidupan manusia terutamanya kaum wanita pada hari ini. Kajian ini bertujuan mengenal pasti hadis-hadis berkaitan etika dan adab wanita dalam bersosial. Kajian ini juga mengkaji tentang kesan pelanggaran etika oleh wanita dalam media sosial. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kepustakaan sepenuhnya dengan mengumpul dan menganalisis isu berkaitan dengan media sosial sama ada dari artikel jurnal, laporan akhbar dan laman sesawang. Kajian ini juga menganalisis hadis berkaitan wanita dengan merujuk kepada kitab-kitab hadis dan syarahnya. Hasil kajian mendapati wujud pelbagai isu atau kes berkaitan wanita dalam penyalahgunaan media sosial seperti menari di dalam TikTok. Maka penggunaan media sosial itu perlu diselaraskan dengan etika dan akhlak Islam sebagai panduan berinteraksi di media sosial. Tambahan pula, telah berpesan Nabi Muhammad SAW sebagai peringatan bagi umatnya supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam semua bentuk fitnah yang ada di atas muka bumi. Kesimpulannya, media sosial telah menjadi alat komunikasi yang paling diperlukan dalam era globalisasi kini, maka etika diperlukan dalam penggunaannya.*

Kata kunci: *Media sosial, etika, perspektif nabawi, komunikasi*

Pengenalan

Media sosial merupakan jaringan yang meliputi kepelbagaian peranti perhubungan atas talian. Hal ini membuktikan bahawa peningkatan penggunaan medium interaktif dalam arus pemodenan pada masa kini sangatlah dipengaruhi oleh keadaan persekitaran. Media sosial penting kepada manusia kerana dengannya seseorang mampu mengakses segala maklumat melalui hujung jari tanpa sempadan. Media sosial ini digunakan oleh semua golongan masyarakat tidak kira tua atau muda. Khususnya golongan wanita melihat media sosial sebagai satu trend terkini untuk mengisi waktu lapang dengan aktiviti bersosial di alam maya. Apa yang menjadi kerisauan di sini adalah bagaimana seseorang individu itu menjaga batas pergaulan di laman sosial, khususnya untuk para wanita. Media sosial dikatakan memberikan impak terhadap wanita. Walaubagaimanapun, terdapat empat media sosial utama yang terlibat dalam memberikan kesan besar dalam kalangan wanita, iaitu Facebook, Twitter, TikTok dan Instagram. Wanita pula dikatakan menjadi golongan yang paling terkesan. Hal ini demikian kerana wanita ini merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang begitu istimewa. Malahan kedudukan dan darjat wanita yang mulia dijelaskan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Dalam pada itu Nabi Muhammad SAW juga menekankan bahawasanya wanita merupakan golongan yang digelar perhiasan bagaimana sabda baginda (Muslim: 1467):

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Maksud: Ibn ‘Umar RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Dunia adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita yang solehah.” (Muslim)

Kajian Lepas

1. Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam

Kajian ini memberikan gambaran keseluruhan mengenai media sosial dan impak tingkah laku dalam Islam. Dapatan kajian mendapati penggunaan media sosial yang tidak terkawal memberi kesan yang besar kepada tingkah laku remaja. Lebih-lebih lagi kemunculan banyak trend baharu dalam media sosial mempengaruhi seseorang individu terutamanya remaja telah menambahkan anasir negatif dalam kehidupan mereka. Oleh itu, pihak haruslah bekerjasama dalam menangani masalah sebelum berlanjutan (Rosli, T., Muniandy, 2019).

2. Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam

Kajian ini disokong dengan beberapa petikan daripada al-Quran dan hadis. Antara tajuk utamanya ialah media sosial sebagai platform merapatkan silaturahim antara masyarakat dan kerajaan, media sosial sebagai alat menyampaikan ilmu dan ideologi, media sosial sebagai platform perniagaan, media sosial sebagai alat dakwah dan penyebaran maklumat, media sosial sebagai platform memupuk talian persahabatan dan silaturrahim, dan media sosial sebagai platform pendidikan (Halim, A., Zakirah, 2019).

3. Media Sosial dan Wanita Menurut Islam

Wanita juga dikatakan, secara purata, mengekspresikan emosi lebih kerap daripada lelaki. Ekspresi wanita yang meningkat dalam ekspresi emosi adalah konsisten merentasi budaya. Dengan itu, penggunaan media sosial yang berlebihan juga akan meninggalkan kesan negatif yang mendalam lebih-lebih lagi terhadap emosi golongan wanita (Nazir, M. I., Noh, 2019).

4. Media Sosial dan pembentukan budaya menurut Islam

Di dalam kajian ini terdapat empat tajuk besar yang dibincangkan dan disokong dengan beberapa hadis dan al-Quran. Antaranya adalah media sosial, pembentukan masyarakat, asas pembinaan masyarakat Islam dan media dan identiti budaya (Jensani, M. K. N., Eswaran, 2019).

5. Penggunaan Media Sosial Dan Kesejahteraan Penggunaan Menurut Islam

Mengawal tata tertib dan tingkah laku dalam masyarakat serta penggunaan media sosial khususnya oleh umat Islam juga memerlukan garis panduan atau piawaian etika yang dipraktikkan atau menyeluruh dari semua sudut. Ini boleh menghasilkan tamadun yang boleh dicontohi oleh budi pekerti yang mulia dan akal yang murni bagi umat Islam. Umat Islam boleh merujuk kepada prinsip moral berasaskan nas tertentu apabila menggunakan media sosial dalam menyampaikan sebarang maklumat kepada masyarakat. Kerajaan juga telah memainkan peranan dengan menguatkuasakan undang-undang dalam usaha melestarikan penggunaan dalam media sosial (Ismail, A., Muda, 2021).

Pengertian

Etika

“Etika” berasal dari bahasa Yunani “ethos”. Kata yang berbentuk tunggal ini berarti “adat atau kebiasaan”. Bentuk jamaknya “ta etha” atau “ta ethe” artinya adat kebiasaan, sehingga etika merupakan sebuah teori tentang perbuatan manusia, yang ditimbang menurut baik dan buruknya atau sebuah ilmu yang menyelidiki mana yang baik dan mana yang buruk, dengan memperhatikan akal pikiran (Setiyani, 2013).

Media Sosial

Secara Etimologi media adalah segala bentuk dan saluran yang digunakan untuk menyampaikan informasi atau pesan. Kata media berasal dari kata lain, merupakan bentuk jamak dari kata “Medium”. Secara harfiah kata tersebut mempunyai arti “perantara” atau “pengantar”, sedangkan sosial berasal dari bahasa latin socius yang artinya berkawan atau bermasyarakat. KBBI mengartikan sebagai sesuatu yang berkenaan dengan masyarakat suka memperhatikan kepentingan umum (Rulli Nasrullah, 2015).

Hadis

Dari sudut bahasa, perkataan " Hadis " memberi erti perkhabaran atau perbualan dan cerita, sama ada berkaitan dengan keagamaan atau keduniaan, atau yang telah berlaku atau sedang berlaku dan sama ada ianya sedikit ataupun banyak (M. Mustafa al - A'zami, 1988).

Sementara dari sudut istilahnya pula membawa erti sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w sama ada perkataan, perbuatan, ikrar (pengakuan) atau sifat, sama ada yang berlaku sebelum dibangkitkan menjadi Rasul (M. Ajjaj al - Khatib, 1961).

Metodologi

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Kaedah analisis data yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah analisis deskriptif iaitu kaedah kajian yang bertujuan untuk menjelaskan sesuatu teori dan menganalisis data yang dikumpul dalam kedua-dua sumber primer dan sekunder. Sumber data yang diperoleh daripada data primer dan data sekunder dalam bentuk buku, jurnal, artikel dan dokumen lain yang berkaitan.

Perbincangan dan hasil kajian

1. Impak positif media sosial kepada wanita.
2. Hadis berkaitan etika dan adab wanita.
3. Hadis-hadis berkaitan wanita dalam bersosial.

4. Kesan negatif jika wanita tidak beretika menggunakan media sosial.
5. Isu berkaitan wanita dalam penyalahgunaan media sosial.

Impak Positif Media Sosial kepada Wanita

Media sosial adalah salah satu alat platform dalam talian yang paling berkuasa untuk menyebarkan berita dengan sekurang-kurangnya kos dan usaha yang minimum. Ia kini merupakan kemuncak global yang telah mengubah kehidupan. Walaupun pada hakikatnya media sosial umumnya memberi manfaat kepada pengguna tertentu, tetapi terdapat beberapa kesan sampingan negatif yang perlu diberi perhatian. Namun, pengguna media sosial akan mendapat manfaat dengan peraturan dan etika media sosial yang dipatuhi. Kewujudan media sosial terhadap wanita memberikan impak yang besar kepada kehidupan mereka. Kesan dan pengaruh media sosial banyak melibatkan wanita dalam penggunaannya. Wanita adalah sebahagian daripada masyarakat. Melalui media sosial, wanita boleh melakukan pelbagai perkara yang memberi impak kepada diri sendiri dan persekitaran.

Secara keseluruhan, media sosial tidak terlepas memberikan kesan ke atas wanita dalam pelbagai faktor seperti politik, ekonomi, psikologi, sosial dan lain-lain. Media sosial memberi peluang dan penyertaan kepada wanita untuk lebih aktif dalam penggunaannya, yang sebelum ini penglibatan golongan wanita dalam media tidak mendapat peranan yang lebih besar tetapi wanita hanya dijadikan objek untuk memenuhi kepentingan pemilik modal. Penglibatan wanita dalam bidang politik memberi banyak kepentingan dalam mewujudkan kesaksamaan, layanan dan peluang yang sama dan adil sekaligus membawa kemajuan kepada negara.

Di media sosial, wanita lebih bebas menyalurkan inspirasi dan aspirasi mereka dalam bidang politik dan ekonomi yang disertai. Melalui media sosial, mereka lebih bebas berinteraksi antara satu sama lain dalam memberikan idea, data dan sebagainya supaya dapat memberi peluang kepada wanita untuk turut serta dalam membawa perubahan ke arah yang lebih baik untuk negara mereka. Selain daripada politik, media sosial juga boleh digunakan oleh wanita untuk memajukan perniagaan mereka. Media sosial menjadi saluran untuk komunikasi pemasarannya dalam platform seperti Tiktok, Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain. Memanfaatkan media sosial untuk perniagaan sebagai contoh berjualan, memperkenalkan dan menawarkan produk yang dihasilkannya. Bukan itu sahaja, kemajuan media sosial membawa kesan kepada perubahan baik yang mempengaruhi bukan sahaja terhadap individu atau masyarakat tetapi kepada negara.

Tambahan pula, sejak kemunculan media sosial telah menimbulkan kebimbangan terhadap penggunaannya terutamanya wanita. Lagipun, banyak kes yang telah terjadi berpunca daripada media sosial akan meninggalkan kesan negatif yang mendalam terhadap emosi golongan wanita. Walaubagaimanapun, kajian mendapati wanita yang sering menggunakan media sosial bersama-sama dengan teknologi lain akan mempunyai tekanan yang lebih rendah berbanding mereka yang tidak menggunakannya sama sekali. Dengan itu, penggunaan platform teknologi komunikasi boleh mengurangkan tahap tekanan. Hal ini kerana wanita ternyata lebih baik dari segi penggunaan media sosial dengan cara berkongsi pengalaman yang dialami dan meluahkan perasaan melalui platform dalam talian. Oleh itu, keterbukaan media sosial mewujudkan keterkaitan dengan komuniti boleh memberi kesan positif terhadap wanita dalam hidupnya.

Hadis berkaitan Etika dan Adab Wanita

Tidak Memakai Wangian yang Menyengat

Nabi Muhammad SAW bersabda: “Jika seorang wanita memakai wangi-wangian lalu dia keluar rumah melewati sekelompok orang sehingga mereka mencium baunya maka dia adalah seorang pezina.” (HR. Ahmad)

Hendaknya Berkata Baik Atau Diam

Sebagaimana dengan arti hadits riwayat Bukhari Muslim yang artinya “Siapapun yang beriman kepada hari akhir, maka hendaknya mengatakan perkataan yang baik atau lebih baik diam “(HR. Bukhari dan Muslim).

Daripada hadis ini dapat disimpulkan bahawa tidak perlu kita bercakap sekiranya apa yang kita bicarakan itu bukanlah sesuatu yang baik. Baginda Nabi Muhammad SAW telah mengajar kita tentang perkara ini. Dia sangat lembut dan sopan ketika bercakap.

Menjaga Aurat

Nabi Muhammad SAW memperingatkan wanita agar menjaga aurat sepertimana disebut dalam sebuah hadisnya: Ada dua golongan ahli neraka yang tidak pernah aku lihat sebelumnya; sekelompok orang yang memegang cambuk seperti ekor sapi yang dipakai untuk mencambuk manusia, dan wanita-wanita yang berpakaian tetapi hakikatnya telanjang [HR Muslim].

Memelihara Harga Diri

Memelihara harga diri adalah tuntutan dan Ibadah Sabda Nabi Muhammad SAW : “Apa yang aku larang kamu lakukan, hendaklah kamu jauhi dan apa yang aku perintahkan kepadamu, maka lakukanlah sesuai kemampuan kamu” [HR Muslim].

Wanita hiasan dunia, seindah hiasan adalah wanita solehah. Dengan melakukan apa yang disuruh oleh Allah merupakan wanita solehah yang bertakwa. Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr RA, Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud: "Dunia adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita solehah." (HR Muslim).

Hadis-Hadis berkaitan Wanita dalam Bersosial

Wanita dan lelaki adalah makhluk ciptaan Allah SWT, masing-masing mempunyai peranan dalam menjalankan kehidupan di dunia dan akhirat, malah terdapat perbezaan hukum dalam beberapa perkara disebabkan keadaan fisiologi penciptaannya dan salah satu daripadanya adalah yang berkaitan dengan pakaian. Pakaian yang perlu dipakai oleh seorang muslim adalah pakaian yang bersifat menutup aurat. Seorang wanita muslimah dalam menjalani kehidupan di luar rumah dan terlibat dalam pelbagai bidang kerjaya perlu mematuhi kriteria pakaian yang telah disyariatkan dalam Islam. Pensyariatan mengenakan pakaian yang menutup aurat telah dinyatakan dalam al-Quran dan al-hadis. Dalam hadis Nabi SAW juga telah menyebut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ أَسْمَاءَ بِنْتَ أَبِي بَكْرٍ، دَخَلَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهَا ثِيَابٌ رَقَاقٌ، فَأَعْرَضَ عَنْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَقَالَ: يَا أَسْمَاءُ، إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَجِيْزَ لَمْ تَصْلُحْ أَنْ يَرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفِّهِ

Daripada Aishah r.a bahawa Asma' binti Abu Bakar menemui Nabi dalam keadaan berpakaian agak nipis lantas Nabi berpaling daripadanya dan berkata “wahai Asma' sesungguhnya apabila sampai peringkat umur baligh, tidak harus dirinya dipandang kecuali ini sambil menunjuk kepada muka dan tapak tangannya. (Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, no. hadis: 4104)

Selain kriteria pada pakaian, aspek tabarruj juga seharusnya diambil kira kerana perbuatan tabarruj sering berlaku pada hari ini dalam kalangan wanita sama ada secara sedar mahupun tidak. Secara asasnya, tabarruj

bermaksud seorang wanita menampakkan perhiasan dan keindahannya, yang wajib ditutupi dari pelbagai perkara yang mampu mengundang kepada syahwat lelaki.

Takrif *hifz al-'irdh* dalam maqasid al-shari'ah adalah dengan mengekalkan kehormatan, kesucian dan kemuliaan dan industri pengiklanan yang melibatkan wanita tidak seharusnya menyetepikan perkara ini. Iklan yang menggunakan wanita bagi mempromosikan suatu produk perlu memelihara maruah wanita dalam apa jua keadaan bukan hanya menggunakan wanita sehingga menjatuhkan dan mengaibkan wanita untuk tatapan umum. Wanita seharusnya dilindungi sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadis Nabi SAW:

حدثنا أبو كريب وموسى بن حزام قال حدثنا حسني بن علي عن زائدة عن ميسرة الشجعي عن أبي حازم عن أبي هريرة رضي هلا عنه قال: قال رسول هلا صلى هلا عليه وسلم: استوصوا بالنساء فإن امرأة خلقت من ضلع وإن أعوج شيء في الضلع أعلاه فإن ذهب تقيمه كسرته وإن تركته مل يزل أعوج فاستوصوا بالنساء

Telah bercerita kepada kami Abu Kuraib dan Musa bin Hizam keduanya berkata, telah bercerita kepada kami Husain bin "Ali dari Za'idah dari Maisarah Al Ashja'iy dari Abu Hazim dari Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Nasihatilah para wanita kerana wanita diciptakan dari tulang rusuk yang bengkok dan yang paling bengkok dari tulang rusuk adalah pangkalnya, jika kamu mencuba untuk meluruskannya maka dia akan patah namun bila kamu biarkan maka dia akan tetap bengkok. Untuk itu nasihatilah para wanita". (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. hadis: 3331)

Berdasarkan hadis tersebut, menurut tafsiran secara majazi, tulang rusuk dalam hadis ditakrifkan sebagai tabiat wanita. Hamka berpendapat, wanita memandang suatu perkara tidak secara lurus tetapi bengkok seperti tulang rusuk kerana mendahulukan perasaannya, justeru itu adalah menjadi tugas lelaki untuk sabar dan tidak berlaku keras terhadap mereka. Oleh yang demikian, berdasarkan sifat semulajadi wanita, ia tidak seharusnya dipergunakan sewenang-wenangnya tanpa sebab yang munasabah khususnya dalam pengiklanan kerana setiap imej wanita yang digunakan dan dipamerkan dalam iklan secara tidak langsung turut mencerminkan maruah wanita tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab pengeluar iklan dan wanita yang terlibat untuk memeliharanya.

Disamping itu, stereotaip wanita yang digambarkan dengan paparan emosi yang negatif, kurang rasional berbanding lelaki merupakan sebahagian daripada elemen stereotaip wanita. Dalam perbincangan hukum Islam, isu kelebihan dan kekurangan akal ini dibincangkan dalam isu berkaitan dengan kesaksian wanita, kepimpinan dan sebagainya. Antara hadis Nabi SAW yang secara jelas secara literal menunjukkan bahawa wanita adalah golongan yang lemah akal. Sabda Nabi SAW:

مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتِ عَقْلِ وَدِينٍ أَذْهَبَ لِلدِّبِّ الرَّجُلِ الْخَازِمِ مِنْ إِخْدَاكُنَّ

Maksud: Aku tidak pernah melihat perempuan-perempuan yang kurang akal dan agamanya dapat meluluhkan hati lelaki yang perkasa dari salah seorang dari kalian. (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. hadis 298; al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, no. hadis 2613)

Secara tekstualnya, hadis tersebut menyatakan wanita sebagai golongan yang lemah akal, sedangkan dari aspek kontekstual, ia tidak mengesahkan sebarang kekurangan dan kelemahan akal serta agama kaum wanita.

Kesan Negatif Jika Wanita Tidak Beretika Menggunakan Media Sosial

Pada masa kini kebanyakan individu mempunyai peranti yang canggih untuk melayari media sosial. Tidak dapat disangkal lagi media sosial mempunyai kebaikan dan kemudahan untuk pengguna seperti berkomunikasi. Akan tetapi ada yang menggunakan media sosial tidak beradab dan beretika sehingga menyebabkan datangnya banyak masalah.

Kesan negatif apabila tidak mengamalkan etika dalam media sosial antaranya wanita tersebut boleh dipandang serong oleh masyarakat. Wanita yang melakukan perbuatan jenayah siber akan dibenci masyarakat dan pihak bertanggungjawab mengambil tindakan ke atasnya. Ia akan menjejaskan nama baik keluarga disebabkan perbuatan tersebut. Masyarakat juga akan mengata ibu bapa yang tidak memberikan didikan yang baik. Wanita tersebut juga susah untuk mendapatkan perkerajaan kerana sikap tidak baik yang ditunjukkan itu.

Selain itu, Malaysia merupakan negara tarikan kerana keunikan yang ada dan sikap individu yang ditunjukkan rakyat. Namun ada beberapa individu wanita yang tidak bertanggungjawab mencemarkan nama baik negara dengan mengabaikan etika dalam media sosial seperti melakukan jenayah siber menyebabkan berkurangnya kerjasama antara negara kerana sikap sesetengah individu wanita menyebabkan imej dan maruah negara terjejas.

Seterusnya, wanita yang tidak beradab menggunakan media sosial dengan mudahnya menyebarkan berita tidak sahih. Demikian itu, masyarakat tertipu dan bertindak tanpa berfikir akan berlakunya kebencian dan provokasi. Keadaan ini boleh menjadi bahaya.

Akhir sekali, perpaduan negara renggang kesan daripada tidak beradab menggunakan media sosial. Seperti yang kita ketahui rakyat Malaysia berbilang bangsa, agama, adat dan budaya. Terdapat wanita yang suka membahas isu-isu sensitif sehingga menjadi perbalahan antara kaum. Mengamalkan perpaduan kaum amat penting untuk rakyat Malaysia saling aman dan harmoni.

Isu berkaitan Wanita dalam Penyalahgunaan Media Sosial

Walaupun definisi wanita ditafsirkan oleh beberapa persepsi, pada dasarnya wanita menjadi salah satu makhluk Allah yang bebas untuk menyatakan dan bekerja mengikut potensi mereka. Bukan itu sahaja, wanita yang suka bersuara dan bekerja mesti tahu sempadan tertentu yang menjadi rujukan, termasuk ketika media sosial. Kerana apa yang membezakan semua orang yang menggunakan media sosial adalah cara mereka mengawal atau menghadkan diri mereka. Hal ini berkaitan dengan sekeping hadis daripada Abu Hafsh 'Umar bin Khattab r.a, beliau mendengar Rasulullah saw berkata:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ ۝

Maksudnya: "Sesungguhnya, setiap amalan bergantung kepada niatnya. Semua orang akan mendapat apa yang dia maksudkan"

Hadis ini sangat jelas bahawa setiap amalan seseorang, bergantung kepada niatnya. Apa yang dia maksudkan, maka itulah juga yang akan dia dapat. Walaupun tidak ada disebut khusus mengenai penggunaan media sosial, ia jelas ada kaitan dengannya kerana setiap orang yang menggunakan media sosial, tidak dapat dipisahkan dari niat asalnya.

Dalam isu berkaitan dengan stereotaip wanita yang digambarkan dengan paparan emosi yang negatif, kurang rasional berbanding lelaki merupakan sebahagian daripada elemen stereotaip wanita. Dalam perbincangan hukum Islam, isu kelebihan dan kekurangan akal ini dibincangkan dalam isu berkaitan dengan kesaksian wanita, kepimpinan dan sebagainya. Ia tidak menggambarkan ciri khusus seorang wanita, malah tidak mensyariatkan syariat yang tetap dan tidak juga mutlak mengenai wanita. Sebaliknya ia menggambarkan realiti semasa yang mana boleh berubah dan berkembang selaras dengan perubahan zaman dan tingkat pendidikan yang dilalui oleh setiap orang. Selain itu ia juga bermaksud keadaan-keadaan khusus bagi perempuan yang memiliki sifat tertentu yang mana ia boleh menyebabkan mereka dimasukkan ke dalam neraka, bukan disebabkan mereka seorang wanita.

Selain itu, dalam isu yang berkaitan dengan pencabulan aurat dan pelecehan seksual, aspek yang ditekankan adalah bentuk pakaian yang patuh Syariah. Sesungguhnya, pakaian merupakan suatu lambang

ketamadunan manusia sejak dahulu lagi dan berevolusi dari masa ke masa. Tamadun manusia yang semakin maju turut memberi impak terhadap cara manusia berpakaian, namun Islam yang juga merupakan agama yang lengkap dan sesuai meliputi semua zaman telah menggariskan beberapa peraturan atau pun syariat berkaitan pakaian yang seharusnya dipakai oleh pengikutnya.

Allah SWT memerintahkan wanita agar menutup aurat kerana mengetahui bahawa wanita yang beriman adalah wanita yang baik kehormatannya dan dengan itu dia terhindar daripada kemudaratan orang munafik dan fasik serta kejahatan lelaki. Berdasarkan ayat tersebut juga, telah dinyatakan dengan jelas bahawa pakaian seorang wanita muslim adalah pakaian yang menutupi auratnya. Dalil-dalil yang telah dinyatakan menunjukkan bahawa muka dan tapak tangan merupakan dua anggota tubuh wanita yang diberi kelonggaran dan apa sahaja pakaian wanita hendaklah menutupi selain daripada dua bahagian ini. Larangan bagi wanita berpakaian ketat adalah seperti yang terdapat dalam hadis Nabi SAW:

عَنْ ابْنِ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ أَنَّ أَبَاهُ أُسَامَةَ قَالَ كَسَانِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُبْطِيَّةً كَيْفَةً كَانَتْ مِمَّا أَهْدَاهَا دِحْيَةُ الْكَلْبِيُّ فَكَسَوْتُهَا امْرَأَتِي فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا لَكَ لَمْ تَلْبَسِ الْقُبْطِيَّةَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَسَوْتُهَا امْرَأَتِي فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرْهَا فَلْتَجْعَلْ تَحْتَهَا غِلَآلَةً لِي أَخَافُ أَنْ تَصِفَ حَجْمَ عِظَامِهَا

Sesungguhnya Usamah pernah berkata: “Rasulullah SAW pernah memakaikanku baju Qibtiyyah yang tebal. Baju tersebut dihadiahkan oleh Dihyah al-Kalbi kepada beliau. Lalu aku memakaikan baju itu kepada isteriku. Rasulullah SAW bertanya kepadaku: ‘Kenapa engkau tidak memakai baju Qibtiyyah?’. Aku menjawab, ‘Baju tersebut ku pakaikan pada isteriku wahai Rasulullah’. Beliau berkata, ‘Suruhlah dia memakai baju rangkap di dalamnya kerana aku bimbang Qibtiyyah itu menggambarkan bentuk tulangnya’ (Ibn Hanbal, Musnad Ibn Hanbal, no. hadis: 22129).

Menurut al-Albani, pakaian dalam yang diperintahkan oleh Nabi SAW agar dipakai oleh isteri Usamah bertujuan untuk menutupi bentuk tubuh meskipun kain tersebut tebal tetapi tekstur kain tersebut juga bersifat lembut dan lentur pada tubuh seperti sutera atau kain tenunan dari kibas yang dikenali pada zaman ini. Oleh itu, pakaian yang menutupi bahagian tubuh bukan sahaja menyelimuti tubuh badan tetapi juga seharusnya menyembunyikan bentuk tubuh badan yang berbentuk seperti dada, pinggang, tangan, kaki dan sebagainya kerana sifat menutupi seharusnya merangkumi aspek bentuk dan warna tubuh badan. Begitu juga dengan larangan berpakaian jarang terdapat dalam hadis Nabi SAW:

عن أبي هريرة رضي هلالا عنه: أن النب صلى هلالا عليه وسلم قال: "صنفان من أهل النار مل أرمها بعد: قوم معهم سياط كأذانب البقر يضربون هبا الناس، ونساء كاسيات عاريت مميلت مائلت رءوسهن كأسنمة البخت املائلة ال يدخلن اجلنة و ال جيدن رحيها وإن رحيها ليوجد من مسرية كذا وكذا"

Dari Abu Hurairah r.a, beliau berkata: bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Terdapat dua golongan dari penduduk neraka yang belum pernah aku lihat: Satu kaum yang memiliki cambuk seperti ekor lembu untuk memukul manusia dan para wanita yang berpakaian tapi telanjang, berlenggang-lenggok kepala mereka seperti bonggol unta yang condong. Wanita seperti itu tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium baunya, walaupun baunya tercium selama perjalanan sekian dan sekian.” (Muslim, Sahih Muslim, no. hadis: 2128)

Menurut al-Nawawi, perkataan “berpakaian tapi telanjang” dalam hadis tersebut bermaksud; pertama, wanita yang mendapat nikmat tetapi tidak mensyukurinya. Kedua, wanita yang menutup sebahagian tubuhnya dan membiarkan sebahagian yang lain dan ketiga, wanita yang memakai pakaian nipis sehingga menampilkan warna tubuhnya. Berdasarkan hadis tersebut juga, dosa perbuatan yang dilakukan seperti yang dinyatakan menyebabkan seorang wanita tidak dapat memasuki syurga. Secara ringkasnya,

wanita yang mengenakan pakaian nipis dan jarang secara tidak langsung telah mendedahkan aurat yang seharusnya ditutupi dengan sempurna.

Di samping itu, selain kriteria pada pakaian, aspek tabarrūj juga seharusnya diambil kira kerana perbuatan tabarrūj sering berlaku pada hari ini dalam kalangan wanita sama ada secara sedar mahupun tidak. Secara asasnya, tabarrūj bermaksud seorang wanita menampakkan perhiasan dan keindahannya, yang wajib ditutupi dari pelbagai perkara yang mampu mengundang kepada syahwat lelaki. Sudah menjadi trend pada masa sekarang banyak kanak-kanak mahupun remaja ataupun dewasa tanpa segan silu turut serta menari atau bergelek menerusi aplikasi TikTok dan dipertontonkan di khalayak ramai dengan pakaian yang menjolok mata dan mampu mengundang kepada syahwat lelaki. Antara perkara lain yang juga termasuk dalam perbincangan tabarrūj adalah berhias melalui anggota tubuh. Antara perbuatan berhias pada bahagian wajah yang sering dilakukan pada hari ini adalah memakai kosmetik termasuklah memakai celak, lipstik, pemerah pipi dan sebagainya. Penggunaan alatan kosmetik pada asasnya menggunakan warna pada bahagian tertentu pada wajah dan perbuatan ini mampu mengundang perbuatan tabarrūj jika berlebihan.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan mengenai etika wanita di media sosial menurut perspektif nabawi, dapat disimpulkan bahawasanya media sosial merupakan satu medium yang penting kerana media sosial mempunyai banyak peranan dalam kehidupan harian setiap manusia. Walau bagaimanapun, media sosial juga boleh menjadi salah satu medium dakwah dalam menyebarkan syiar Islam kepada seluruh dunia. Dalam pada itu, media sosial juga membawa kesan yang positif dan negatif dan ia mengikut kepada tujuan seseorang individu itu. Bahkan, menggunakan media sosial dengan sesuka hati dan tidak mematuhi etika penggunaannya akhirnya boleh mendatangkan kemudaratan. Dalam hal ini, khususnya tentang wanita, mereka merupakan makhluk ciptaan Tuhan yang beremosi dan perlu untuk bersikap rasional dalam perbuatan yang dilakukan. Satu tindakan yang dilakukan boleh menjatuhkan dan menjejaskan reputasi seseorang melalui apa yang ditulis atau diperkatakan dalam media sosial. Oleh yang demikian, mereka perlulah berhati-hati lebih-lebih lagi sewaktu menggunakan media sosial terutamanya dalam perkara yang berkaitan dengan emosi kerana kesihatan wanita dan gaya hidup mereka mungkin terkesan dan terjejas akibat penyalahgunaan media sosial pada hari ini. Oleh itu, gunalah teknologi dengan sebaik mungkin kerana teknologi adalah untuk memudahkan dan bukan untuk mempersulitkan.

Rujukan

- Halim, A., Zakirah, Z., Azmi, D. S., & Marni, N. (2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. In *Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia. Anjuran Akademi Tamadun Islam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai* (Vol. 15).
- Nazir, M. I., Noh, C., Zikri, M. I., & Basiron, B. (2019). Media Sosial dan Wanita Menurut Islam. In *Prosiding Seminar Sains Teknologi Dan Manusia* (Vol. 32, No. 2016, pp. 1527-1536).
- Jensani, M. K. N., Eswaran, K., & Noor, S. S. M. (2019). Media sosial dan pembentukan budaya menurut Islam. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.
- Rosli, T., Muniandy, Y., Jasmi, K. A., Rosli, T., Muniandy, Y., & Jasmi, K. A. (2019). Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.

- Ismail, A., Muda, F. L., & Ahmad, S. (2021). Penggunaan Media Sosial Dan Kesejahteraan Penggunaan Menurut Islam.
- Zainuddin, H. (2020). Etika Penggunaan Media Sosial dalam Al-Qur'an sebagai Alat Komunikasi di Era Digitalisasi. *Al-Mutsla*, 2(1), 26-38.
- Sunarto, M. Z., & Liana, K. (2021). Interaksi Wanita Iddah Melalui Media Sosial. *Jurnal Islam Nusantara*, 4(2), 160-171.
- Lubis, E. E. (2014). Potret media sosial dan perempuan. *Jurnal Paralela*, 1(2), 97-106.
- Fahrimal, Y. (2018). Netiquette: Etika jejaring sosial generasi milenial dalam media sosial.
- Watie, E. D. S. (2016). Komunikasi dan media sosial (communications and social media). *Jurnal The Messenger*, 3(2), 69-74.
- Rinwanto, R., Sholihah, H., Hakim, N., & Syakhlani, M. (2021). Etika Komunikasi dalam Media Sosial Sesuai Tuntutan Al-Qur an. *Journal of Communication Studies*, 1(01), 49-61.
- M. Mustafa al - A'zami , Pengkajian Hadis : Kaedah Dan Persuratan , terj. Zainal Azam Abdul Rahman, Pustaka Salam, K. Lumpur, 1988, h. 13 .
- M. ' Ajjaj al - Khatib, Usul al - Hadith, Ulumuhu Wa Mustalahhu , Dar al - Fikr, Mesir, 1961, h . 19.